

**SOALAN NO: 520**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU**

**SOALAN:**

**Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk merombak semula undang-undang berkenaan dengan PERKESO untuk memberi jaminan keselamatan dan perlindungan yang sewajarnya kepada pekerja. Kenapakah laporan perubahan daripada doktor pakar swasta tidak boleh dipertimbangkan untuk permohonan tuntutan PERKESO.**

**PR-1351- T00549**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (AKSP 1969) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 dipinda dari semasa ke semasa mengikut keperluan untuk memberi jaminan keselamatan dan perlindungan yang sewajarnya kepada pekerja.
2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini AKSP 1969 telah dipinda sebanyak sebelas (11) kali. Pindaan terakhir adalah pada tahun 2016. Antara komponen penting dalam pindaan ini adalah memperluaskan liputan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja tanpa tertakluk kepada had gaji mengikut takrifan pekerja serta menaikkan had siling caruman daripada RM3,000.00 kepada RM4,000.00 bagi maksud caruman dan pembayaran faedah.
3. Bagi memperluaskan jaringan keselamatan sosial kepada sektor pekerjaan sendiri, PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia diamanahkan untuk mentadbir, menguatkuasa dan melaksanakan skim perlindungan pemandu teksi yang bekerja sendiri atau perkhidmatan seumpamanya. Adalah dijangkakan Deraf Rang Undang-Undang (RUU) Pekerjaan Sendiri akan dibentangkan di Parlimen pada Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas (2017).

Tuan Yang Di Pertua,

4. Dakwaan berhubung isu laporan perubatan daripada doktor pakar swasta tidak boleh dipertimbangkan untuk permohonan tuntutan PERKESO adalah kurang tepat. Berdasarkan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, di bawah Peraturan 46(2) memperuntukkan "suatu perakuan doktor perlulah daripada mana-mana pengamal perubatan berdaftar atau doktor insurans". Sehubungan dengan itu, kenyataan bahawa PERKESO tidak menerima laporan daripada doktor pakar swasta adalah tidak benar. PERKESO menerima laporan perubatan yang dikeluarkan daripada doktor pakar dari mana-mana hospital atau klinik sama ada kerajaan atau swasta bagi semua jenis tuntutan faedah.